

Universiti ubah kurikulum pengajian tumpu TVET

UA tawar program baharu lebih 'padat'

Oleh Ilah Hafiz Aziz
illahhafiz.abdulaziz@bh.com.my

Kuala Lumpur: Beberapa program kejuruteraan baharu yang mempunyai kursus pengajian yang lebih 'padat' mula ditawarkan universiti awam (UA) bermula tahun tahun ini, selepas penstrukturan serta pemansuhan dilakukan.

Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) yang paling banyak memansuhkan program iaitu 14 program menawarkan empat program kejuruteraan baharu manakala Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) dan Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) turut menawarkan program baharu.

Naib-Canselor UniMAP, Prof Ts Dr R Badlishah Ahmad, berkata selari dengan komitmen kerajaan, universiti mengubah kurikulum kepada Latihan Pendidikan Teknikal dan Vokasional (TVET) dalam usaha menyasarkan hala

tuju ke arah nisbah 70:30 pelajar TVET dengan kejuruteraan.

"Selain itu, faktor lain seperti jumlah kemasukan pelajar yang agak kurang, nama program terdapat *boutique* dan hampir sama turut menyumbang dalam mempertingkatkan kesinambungan penawaran program itu.

"Empat program Sarjana Muda Teknologi disediakan pada 2020 iaitu Teknologi Kimpalan, Teknologi Pembinaan, Teknologi Pemesinan dan Teknologi Automotif, bagi merancakkan lagi penghasilan graduan yang berkemahiran tinggi dan menyumbang kepada Revolusi Industri 4.0 (IR 4.0)," katanya kepada BH.

Laporan BH kelmarin mendedahkan, sebanyak 55 program kejuruteraan di universiti tempatan digugurkan atas pelbagai faktor, termasuk tiada permintaan daripada pelajar serta kandungan kursus pengajian yang hampir sama di setiap universiti.

Ia membabitkan lima universiti awam (UA) dan tujuh universiti swasta.

Naib Canselor UTeM, Profesor Datuk Dr Raha Abdul Rahim, berkata, lima program dari empat fakulti akan diwujudkan bagi-



R Badlishah Ahmad

menggantikan 14 program kejuruteraan yang digugurkan.

"Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer akan memperkenalkan Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Elektronik Dengan Kepujian, Fakulti Kejuruteraan Elektrik (Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrik Dengan Kepujian dan Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Mekatronik Dengan Kepujian).

"Fakulti Kejuruteraan Mekatronik (Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal Dengan Kepujian) dan Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Pembuatan Dengan Kepujian)," katanya, semalam.

Naib Canselor UNIMAS, Pro-



Raha Abdul Rahim

fesor Datuk Dr Mohamad Kadim Suaidi berkata, program baharu ditawarkan universiti itu dilihat berdaya saing serta memberi peluang lebih luas kepada pelajar untuk mendapat pekerjaan kerana ia tidak terlalu spesifik kepada pengkhususan sesuatu bidang.

"Program Sarjana Muda Kejuruteraan (Kepujian) Elektronik (Telekomunikasi) dan Program Sarjana Muda Kejuruteraan (Kepujian) Elektronik (Komputer) dinamakan semula sebagai Program Sarjana Muda Kejuruteraan (Kepujian) Elektrikal dan Elektronik," katanya yang mendedahkan kebolehpasaran graduan jurutera mereka adalah 90.5 peratus.